



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang

Tel: 04-2615613
Fax: 04-2618618

Ruj. Kami : PPSUKPP/05/0755/2 (40)

Tarikh : 21 Jamadilakhir 1427
17 Julai 2006

**Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri**

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN
BIL. 3 TAHUN 2005
(PINDAAN NO. 1/2006)**

**GARIS PANDUAN MENGENAI
TATACARA MEMOHON KELULUSAN
PROJEK/PROGRAM ICT AGENSI KERAJAAN NEGERI**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pindaan kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2005 bagi memantapkan lagi mekanisme dan struktur penyelarasan permohonan kelulusan projek/program ICT agensi Kerajaan Negeri.

PINDAAN

Pindaan dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2005 adalah seperti berikut:

1. Perenggan 2 dengan ini, diganti dengan perenggan baru seperti berikut:
 - "2. Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara berikut:
 - (a) Penubuhan dan peranan Jawatankuasa Pemandu ICT (JP ICT) dan Jawatankuasa Penyelarasan Operasi ICT (JPOICT);

- (b) Skop projek/program ICT yang memerlukan kelulusan/penyelarasan JPICT Negeri;
- (c) Tatacara permohonan kelulusan projek/program ICT;
- (d) Pelaporan projek/program ICT yang diluluskan/diselaraskan di peringkat JPICT Negeri;"

2. Perenggan 6 dengan ini, diganti dengan perenggan baru seperti berikut:

"6. Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri, bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT Negeri (JPICT Negeri) dan Jawatankuasa Penyelarasan Operasi ICT (JPOICT) untuk menyelaras permohonan projek/program ICT bagi agensi-agensi di bawahnya. Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (agensi-agensi Negeri) juga perlu menubuhkan JPICT sendiri bagi menyelaras permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing."

3. Perenggan 7 dengan ini, diganti dengan perenggan baru seperti berikut:

"7. Keahlian JPICT dan bidang tugasnya mengikut peringkat pentadbiran adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----|---|-------------|
| (a) | Kerajaan Negeri | Lampiran A1 |
| (b) | Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan | Lampiran A2 |

Di samping itu keahlian JPOICT dan bidang tugasnya adalah seperti di Lampiran A3."

4. Perenggan 8 dengan ini, diganti dengan perenggan baru seperti berikut:


"8. Perolehan ICT PSUK dan Jabatan Negeri perlu dikemukakan kepada JPOICT dahulu bagi tujuan penyelarasan dan cadangan sebelum dibentangkan kepada JPICT Negeri untuk kelulusan. Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan pula hendaklah melaporkan perolehan ICT masing-masing kepada JPICT Negeri atau setaraf dengannya di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Laporan penyelarasan perolehan ICT ini perlu dikemukakan oleh JPICT Negeri kepada JTIT untuk tujuan pemantauan."

5. Lampiran-lampiran kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bilangan 3 Tahun 2005 tersebut juga adalah ditambah dengan Lampiran A3 dan pindaan kepada Carta Alir Lampiran C1-1. Lampiran A3 yang baru dan Lampiran C1-1 yang telah dipinda adalah seperti yang disertakan.

TARIKH KUATKUASA

6. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 17 Julai 2006.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamaludin Bin Hasan'. The signature is written in a cursive style with a large initial 'J'.

[DATO' JAMALUDIN BIN HASAN]

**BIDANG RUJUKAN
JAWATANKUASA PENYELARASAN OPERASI ICT NEGERI
(JPOICT NEGERI)**

Penasihat: Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)/CIO

Pengerusi: Pengurus Pusat Komputer Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Ahli-ahli: Pegawai ICT/*ICT Representatives* dari semua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri

Urus Setia: Pusat Komputer Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Bidang Tugas

- (i) Menyelaraskan, memantau dan berbincang serta menyelesaikan sebarang perkara/isu berkaitan pengoperasian ICT
- (ii) Platform bagi perkongsian pengetahuan dan pengalaman ICT
- (iii) Mengemukakan sebarang cadangan polisi dan prosedur berkaitan ICT kepada Jawatankuasa Pemandu eGG
- (iv) Platform untuk jabatan negeri membentangkan cadangan pelaksanaan projek ICT bagi mendapatkan pandangan dan cadangan ahli sebelum dibentangkan ke Jawatankuasa Pemandu eGG

Carta Alir Permohonan Kelulusan Projek/Program ICT Di Bawah Pembiayaan Negeri Bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)/Jabatan Negeri

